

01 SEP 1998

Wawancara-Transkrip

WAWANCARA KHAS DENGAN PERDANA MENTERI - 1

Berikut ialah transkrip wawancara khas hari ini dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai ekonomi Malaysia yang disiarkan secara langsung oleh RTM.

Perdana Menteri telah diwawancara oleh Ketua Pengarang Kumpulan New Straits Times Datuk A. Kadir Jasin, Pemangku Editor Eksekutif Perkhidmatan Berita Ekonomi Bernama Yong Soo Heong dan Pengarah Bahagian Ekonomi Public Bank Berhad Nasaruddin Arshad.

Kadir (pengenalan): Bank Negara tengah hari ini mengumumkan beberapa langkah untuk melindungi ekonomi bagi mengurangkan kesan kegawatan kewangan dunia ke atas negara kita. Ini termasuk menetapkan kadar pertukaran bagi ringgit Malaysia dan membolehkan perdagangan ringgit hanya dalam negara. Gabenor Bank Negara akan menetapkan nilai ringgit tidak lama lagi.

Soalan: Mengapakah langkah-langkah ini diambil sekarang dan apakah faedah kepada negara kita?

PM: Langkah ini menjadi perlu kerana apabila nilai ringgit berada dalam keadaan tidak tentu maka ini menyebabkan perniagaan tidak dapat diteruskan dengan cara yang boleh mendatangkan keuntungan.

Seperkara lagi ialah apabila nilai ringgit diturunkan maka pendapatan kita akan berkurangan terutama apabila kita perlu membeli barangan dari luar negeri. Dengan keadaan ini maka kita menjadi miskin, negara menjadi miskin, kerajaan menjadi miskin dan orang ramai menjadi miskin.

Mereka memerlukan lebih banyak ringgit untuk pergi ke luar negeri atau untuk membeli barangan yang diimport. Oleh kerana pendapatan mereka tidak menambah maka secara langsung mereka menjadi miskin.

Kita perlu menentukan nilai ringgit secara yang tetap supaya peniaga dan individu dapat tahu kedudukan kewangannya dan dengan itu urusan ekonomi akan berjalan dengan baik.

Soalan: Dalam bahasa mudahlah... adakah ini bermakna ringgit tidak lagi mempunyai nilai di luar negara?

PM: Ya.. kita telah memutuskan bahawa ringgit tidak akan mempunyai nilai lagi di luar Malaysia dan dengan itu ringgit yang dimiliki di luar Malaysia tidak lagi akan sah diperlakukan.

Bagaimanapun, seperti yang kita tahu terdapat wang di luar Malaysia, kita akan membenarkan ringgit itu dibawa pulang ke Malaysia dalam tempoh sebulan dari hari ini. Jika ia tidak dibawa pulang, kita akan menganggap ringgit itu tidak sah dan kita tidak akan membenarkan ringgit dibawa pulang ke Malaysia dalam apa bentuk sekalipun.

Soalan: Tidakkah Datuk Seri fikir yang langkah Malaysia itu boleh dianggap sebagai langkah mundur?

PM: Tidak, ia bukan satu langkah mundur. Saya berpendapat keadaan sekaranglah yang mundur.

Apabila orang meninggalkan regim Bretton Woods, mereka fikir pengaruh pasaran bebas terhadap kadar pertukaran akan menjadi cara yang lebih baik

untuk menilai nilai relatif pelbagai matawang. Tetapi pasaran seumpama itu sekarang telah disalahgunakan oleh pedagang matawang yang tidak peduli terhadap kadar pertukaran untuk berdagang dan berniaga tetapi sebaliknya menganggap matawang sebagai komoditi yang mereka boleh perdagangkan walaupun matawang sebenarnya tidak mempunyai nilai hakikinya sendiri. Tetapi pedagang matawang ingin menggunakannya sebagai komoditi dan untuk membeli dan menjualnya menurut sistem mereka sendiri yang membolehkan mereka mengaut keuntungan besar daripada perdagangan yang sama sedangkan pada masa yang sama memiskinkan seluruh negara, pelbagai rantau dan orang ramai... kerosakan yang disebabkan oleh mereka adalah sesuatu yang tidak dijangkakan sebelum ini. Dan ini sebenarnya langkah mundur. Dunia tidak bergerak ke hadapan, tetapi bergerak ke belakang.

Soalan: Adakah langkah ini sebagai tindakan terakhir dan adakah ianya akan kekal?

PM: Langkah ini mungkin dianggap sebagai tindakan terakhir kerana kita belum nampak cara-cara lain. Kita telah minta Dana Kewangan Antarabangsa supaya mengadakan peraturan berkenaan pasaran matawang tetapi nampaknya mereka tidak berminat kerana mereka tidak rugi apa-apa. Yang rugi ialah kita.

Sebab itu kita perlu balik kepada apa yang boleh kita buat sendiri. Dan apa yang boleh kita buat sendiri ialah untuk mengawal matawang kita sendiri.

Ianya boleh menjadi kekal. Tetapi sebaliknya sekiranya masyarakat antarabangsa bersetuju perdagangan matawang mesti dikawal dan paras turun naik nilai matawang dihadkan dan kita melihat ini akan membolehkan ekonomi berkembang semula, maka barulah kita kembali kepada sistem tukaran wang bebas.

Tetapi pada masa kini kita boleh lihat kesan kemusnahan yang dilakukan di Asia Tenggara, Asia Timur, di Rusia, di Amerika Latin dan di mana-mana sahaja. Semua usaha keras oleh negara-negara berkenaan hancur demi keuntungan segelintir spekulator seolah-olah kepentingan para spekulator itu sangat penting sehinggakan pendapatan berjuta-juta orang dirampas daripada mereka. Kita rasa ini membawa kepada kemunduran.

Soalan: Bagaimana kita melihat langkah yang diambil hari ini dalam kaitannya dengan apa yang berlaku di Hong Kong dan Taiwan yang mengambil langkah-langkah serius bagi menghentikan spekulasi matawang mereka.

PM: Apa yang nyata ialah orang sudah tidak lagi dapat bertahan dengan apa yang dipanggil sistem pasaran bebas.

Mereka perlu mengambil tindakan-tindakan yang bertentangan dengan falsafah prinsip-prinsip pasaran bebas. Namun, mereka belum pergi cukup jauh.

Kita rasa kita patut benar-benar mengawal tukaran wang asing sehingga ke titik di mana ia tidak dapat diperdagangkan sama sekali.

Ringgit tidak boleh diperdagangkan langsung supaya kita boleh mengawal kadar pertukaran yang melibatkan ringgit kita.

Soalan: Bagaimanakah langkah baru ini dapat mengurangkan spekulasi?

PM: Biasanya ringgit digunakan untuk spekulasi di luar pesisir pantai, ringgit yang dimiliki oleh orang asing, khususnya ringgit yang dimiliki pedagang matawang.

Mereka menyimpan ringgit itu di bank-bank asing tetapi memandangkan ringgit tidak bernilai langsung di luar Malaysia, dalam sebarang kes terdapat akaun yang bersamaan dalam bank di Malaysia tetapi apabila mereka

memperdagangkan dan menjual ringgit, ini bukan sahaja tercermin di bank-bank asing malahan juga di bank-bank di Malaysia.

Apa yang telah kita lakukan tentulah membekukan sepenuhnya akaun-akaun yang ada di bank-bank Malaysia. Malahan, jika mereka menjual ringgit di luar Malaysia, ia tidak akan mempunyai sebarang kesan dalam menggerakkan ringgit dari satu akaun kepada yang lain. Dalam lain perkataan, ringgit yang sebenar, ringgit yang ada dalam negara, tidak akan dijual sama sekali kerana akaun itu tidak bergerak. Perdagangan di luar Malaysia tidak bererti kerana mereka memperdagangkan sesuatu yang tidak memberi kesan kepada ringgit sebenar dalam negara.

Mereka boleh membeli atau menjual ringgit itu tetapi ianya ringgit yang tidak bernilai kerana ringgit itu, walaupun jika dibeli seseorang, ia tidak akan dibenarkan masuk ke dalam negara ini kemudian. Kita akan membenarkan dalam tempoh sebulan, tetapi tidak selepas sebulan. Memandangkan ringgit hanya sah diperlakukan di Malaysia, dan ianya tidak boleh masuk ke Malaysia, jadi ia menjadi ringgit yang tidak berguna.

Jadi, sesiapa yang mempunyai ringgit seumpama itu selepas sebulan akan mendapati mereka berpegang kepada akaun-akaun atau kertas yang tidak bernilai sama sekali.

Soalan: Adakah langkah ini akan membawa imej buruk kepada negara?

PM: Ianya tidak akan menyebabkan imej buruk kepada negara, kecuali yang pastinya kepada pedagang matawang dan kemungkinan kepada segelintir anggota media yang tidak akan berasa sangat gembira.

Tapi daripada segi pelaburan, wang asing masih boleh dibawa masuk ke negara ini, ditukar kepada ringgit, digunakan di Malaysia untuk dilabur untuk apa-apa sahaja termasuk pembelian saham atau untuk membeli harta atau menubuhkan industri.

Apabila mereka berniaga dan mahu mengambil keluar wang tersebut, mereka boleh memohon kebenaran dari Bank Pusat untuk mengeluarkan wang tersebut dan kita masih akan membenarkan matawang asing diberikan kepada mereka sebagai pertukaran kepada ringgit yang mereka ada dan bawa keluar dari negara ini mengikut keperluan.

Sebagai contoh, jika mereka akan membeli komponen dari negara lain dalam matawang asing, mereka boleh mendapatkan matawang asing tersebut.

Jadi pelaburan tidak terjejas dengan ini, kecuali pelaburan dalam saham kerana ianya dikira sebagai wang panas. Jika mereka hendak melabur dalam saham mereka boleh, tetapi pelaburan sedemikian perlu kekal di negara ini untuk sekurang-kurangnya setahun. Mereka tidak boleh datang dan melabur dan kemudiannya melupus, menaik atau menurunkan nilai saham-saham tersebut.

Jadi, dalam kaitannya dengan para pelabur, pelabur asli dan jangka panjang, ini akan mempermudah pelaburan mereka kerana mereka akan mengetahui dengan tepat berapakah wang yang perlu dibawa masuk kerana kadar tukaran akan ditetapkan dan jika mereka membuat apa-apa keuntungan di sini dan mereka mahu menghantar balik keuntungan tersebut ke negara mereka, mereka boleh menukar keuntungan yang diperolehi itu daripada ringgit kepada mana-mana matawang dan itu boleh dihantar keluar Malaysia.

Akan terdapat pertukaran tetapi tidak akan ada perdagangan dalam matawang.

Soalan: Adakah ini akan menghapuskan unsur ketidakpastian?

PM: Ya, sudah tentu. Orang ramai akan mengetahui dengan tepat berapa banyak ringgit yang akan mereka perolehi daripada matawang asing yang mereka bawa masuk dan mereka juga akan mengetahui berapa banyak yang mereka jangka boleh dihantar keluar dari negara ini daripada keuntungan yang mereka buat kerana kadar tukaran tersebut telah ditetapkan dan mereka tidak

perlu membuat apa-apa pembersihan lagi.

Kita boleh meminta mereka kekal dengan pelaburan mereka untuk sekurang-kurangnya setahun sebelum mereka boleh menjualnya. Itu dilakukan di beberapa negara.

Ia akan mengurangkan kegiatan spekulatif. Apa yang telah merosakkan pasaran saham ialah amalan membeli sesuatu saham secara berulang-ulang untuk menaikkan nilai saham itu ke satu tahap yang tinggi sehinggakan harga saham itu tidak mempunyai kaitan dengan prestasi atau aset syarikat-syarikat yang terbabit. Ianya di luar jangkauan... apabila ia mencapai satu tahap yang tinggi, pelabur tersebut akan melupus atau menjual keseluruhannya, mengambil wang tersebut dan keluar dari negara ini, meninggalkan rakyat tempatan dengan syarikat ini yang telah kehilangan nilainya dan yang kemungkinannya telah meminjam wang berdasarkan nilai sahamnya. Sekarang, jumlah pinjaman jauh berkurangan daripada cagaran daripada segi nilai saham dan syarikat-syarikat tersebut terjerumus dengan pinjaman tidak berbayar (NPLs) dan syarikat-syarikat itu tidak akan berupaya untuk menunjukkan pencapaian.

Kita tidak mahu mereka datang dan membuat perkara semacam itu. Pada ketika ini apa yang mereka lakukan adalah yang berlawanan, mereka menurunkan nilai saham-saham itu sehingga ia jauh di bawah nilai aset bersih dan wang tunai yang mungkin dimiliki syarikat itu akan turut jatuh.

Pada tahap ini, jika kita membenarkan mereka membeli saham, mereka akan menguasai syarikat itu dengan harga yang rendah. Dan apabila mereka telah mendapatkannya, mereka boleh melakukan dua perkara -- mereka boleh menguasai dan membina semula syarikat itu ataupun mereka boleh melupuskan aset-aset itu, mengambil wang tersebut dan membiarkan syarikat itu hancur. Jadi, itulah perlucutan aset.

Soalan: Adakah kita mencadangkan bahawa kita ada tukaran asing yang cukup untuk memenuhi komitmen kita?

PM: Ya, kerana kita mengeksport lebih pada hari ini daripada mengimport. Sudah tentulah akaun perkhidmatan kita sedikit kurang memihak kepada kita, tetapi ia tidak begitu banyak dan lebihan untuk akaun perdagangan akan mencukupi walaupun untuk membayar defisit perkhidmatan kita.

Sudah tentu pada waktu yang sama kita mengurangkan imbalan perkhidmatan misalnya menerusi penggunaan pelabuhan-pelabuhan kita dan menggunakan insurans kita sendiri serta mengurangkan jumlah pelajar yang belajar di luar negara.

Ini adalah langkah-langkah yang telah kita ambil untuk mengurangkan ketidakseimbangan akaun perkhidmatan kita.

Soalan: Jadi, tidaklah menjadi masalah walaupun dalam keadaan-keadaan tidak normal bagi kita untuk memiliki tukaran asing jika sebagai contoh kita ada permintaan melebihi normal?

PM: Ini mungkin berlaku, contohnya jika matawang asing yang berada dalam negara ini mahu dibawa keluar oleh orang asing, mereka perlu menukar ringgit mereka kepada matawang asing dan untuk membawa keluar matawang asing itu mereka perlu menjelaskan kenapa mereka hendak membawa keluar, yang pastinya ia akan menjejaskan ekonomi kita dan kita tidak mahu aktiviti mereka menjejaskan ekonomi kita.

Tetapi jika mereka mempunyai alasan yang munasabah, contohnya jika mereka mahu menggunakan wang itu untuk membeli sesuatu, mereka boleh menukarkannya dan membeli apa juga barangan itu dan membawanya balik ke negara ini atau mereka mungkin mahu menggunakan wang itu untuk membeli minyak sawit dan mengeksportnya.

Bagaimanapun, jika mereka mengeksport minyak sawit atau apa sahaja, mereka dikehendaki membawa pulang ke negara ini segala hasil eksport dan mesti disimpan dalam Bank Pusat.

Soalan: Bagaimana jika ada orang yang tidak membawa pulang wang itu dalam tempoh satu bulan berkenaan. Adakah kita akan mempertingkatkan peraturan di pintu-pintu masuk?

PM: Jika mereka tidak membawa pulang wang mereka selepas satu bulan, wang itu langsung tidak boleh dibawa pulang.

Soalan: Bagaimana pula penyeludupan, bolehkah mereka menyeludup wang, akaun berkenaan?

PM: Akaun-akaun, mereka tidak boleh, kerana bank-bank kita tidak akan membenarkan sebarang wang yang di luar negara dipindahkan ke akaun-akaun bank tempatan tetapi jika mereka mahu membawa pulang wang tunai, keupayaan untuk berbuat demikian sudah tentunya terhad.

Kita sekarang akan melupuskan wang kertas 500 dan 1,000 ringgit agar mereka tidak dapat membawanya pulang melainkan mereka membawa dalam bentuk denominasi yang kecil dan sukar untuk dibawa.

Kita akan periksa perkara ini tetapi jika mereka tidak membawa pulang selepas satu bulan, wang itu akan menjadi tidak berguna. Jika mereka ditangkap membawa masuk wang itu, kita akan mengatakan ianya bukan wang lagi.

Soalan: Kita sering dengar ringgit luar pesisir pantai dan ada anggaran yang mengatakan bahawa ia sudah bernilai sampai 100 juta?

PM: Sebenarnya, dalam bentuk tunai, ringgit cuma ada 100 juta tunai di luar negara dan kita boleh menghantarnya pulang dalam tempoh satu bulan. Jika mereka tidak berbuat demikian, wang itu akan hanya menjadi seperti kertas sampah, ia tidak bernilai langsung. Kalau mereka cuba untuk membawa masuk, kita akan menghalang mereka dan kita akan rampas wang seumpama itu.

Soalan: Tapi macam mana, berapa besarkah akaun ringgit luar pesisir pantai?

PM: Ia adalah lebih besar, pastinya lebih daripada 20 bilion, malahan mungkin lebih 25 bilion tetapi wang itu tentulah di luar Malaysia dan sekarangpun tidak bernilai. Untuk memberi nilai, pemegang akaun itu mesti mempunyai akaun yang selari dengan bank di Malaysia.

Apabila mereka lakukannya kita akan melupuskan nilai matawang berkenaan dengan menghentikan sebarang pergerakan akaun itu dalam bank di Malaysia. Mereka tidak boleh menggerakkan akaun itu, dalam perkataan lain mereka tidak boleh menjual ringgit itu, ini adalah kerana jika mereka menjual ringgit itu, ringgit di Malaysia tidak akan bergerak.

Jadi secara efektifnya, seseorang yang telah menjual ringgit itu masih menjadi pemiliknya. Dan sesiapa juga yang membelinya tidak membeli apa-apa jadi ia tidak memberi erti kepada mereka untuk membeli ringgit itu lagi di luar negara.

Satu-satunya perkara yang mereka boleh buat ialah kita memberi tempoh satu bulan kepada mereka untuk memindahkan semua ringgit itu ke Malaysia, dan ini bererti ringgit di Malaysia diletakkan semula dalam edaran. Ia boleh digunakan untuk membeli barang-barang, rumah atau apa sahaja, ia boleh digunakan untuk apa jua seperti mengeksport minyak sawit tetapi jika mereka eksport, keuntungan daripada eksport itu hendaklah dibawa pulang,

jika tidak mereka melanggar peraturan dan tindakan akan diambil ke atas mereka dan bank terbabit.

Soalan: Jadi mungkin satu soalan yang mudah apa akan jadi katakan orang Malaysia yang kerja di Singapura dan ada duit Malaysia di Singapura atau yang berniaga di sempadan Malaysia-Thailand adakah mereka akan diberi sedikit kelonggaran.

PM: Mereka boleh bawa balik dalam jangkamasa satu bulan. Selepas daripada itu biasanya kalau pekerja hendak pergi ke luar negeri hari-hari dia pergi pagi balik petang dia tentulah ada beberapa ringgit dalam saku dia tapi itu tidak menjadi masalah. Dia boleh bawa keluar dan bawa masuk asalkan jumlahnya tidak banyak demikian juga dia boleh bawa masuk duit asing dengan jumlah yang kecil dan bawa keluar kita tidak akan ganggulah.

Tapi semua orang yang pergi keluar masuk keluar masuk mestilah buat kenyataan berkenaan dengan duit yang dia bawa sama ada dia bawa ringgit, dollar Amerika ataupun dollar Singapura dia mesti ada. Sekarang ini kita sudah beri kepada Kastam borang untuk diisi mengenai berapa banyak duit yang dia bawa dan ini bukan satu perkara yang baru.

Sebenarnya kebanyakan negara termasuk Australia di mana kita tahu pengisian borang berkenaan dengan duit yang dia bawa mesti dibuat, jika tidak ia dianggap sebagai menyalahi undang-undang. Undang-undang itu masih ada di Malaysia tinggal lagi buat beberapa lama kita tidak kuatkuasakan.

Soalan: Bagaimana dengan pembiayaan pembelajaran di luar negeri atau pelancong?

PM: Untuk pelajar di luar negeri, mereka perlu katalah pound sterling untuk hendak bayar, mereka boleh buat permohonan daripada Bank Negara dengan cukup dokumentasinya dan Bank Negara akan bekalkan wang itu apabila mereka membeli ringgit kepada Bank Negara and mereka akan dapat wang yang diperlukan hanya mencukupi untuk maksud itu sahaja.

Pelancong kita akan dibenar tukaran asing sebanyak RM10,000 jadi itu kita anggap sebagai memadai untuk pelancongan tetapi kalau mereka mempunyai keperluan lain kita akan timbang.

Soalan: RM10,000 termasuk perbelanjaan menerusi kad kredit?

PM: Kad kredit juga jumlahnya semua 10,000 termasuk sekali. Semua sekali, bukan kata kalau dia ada satu kad kredit RM10,000 kalau ada lima RM50,000. Kita tahulah sekarang setengah orang sampai ada 10 kad kredit kalau bagi RM10,000 satu kad kredit jadi RM100,000lah, jadi kita tidak boleh bagi begitu banyak.

Soalan: Mengenai pembiayaan pendidikan, mungkin ibu bapa tertanya-tanya ia akan menjejaskan penghantaran wang misalnya, Datuk Seri katakan tadi kalau dia ada bukti katakan slip yuran dari universiti anaknya, Bank Negara boleh menukarkan ringgit kepada apa juga matawang yang diperlukan, cara dia hantar tu pakai cara biasa telegram, transfer urusan bank biasa.

PM: Urusan bank yang biasa tu beroperasi. macam biasa sahaja, tidak ada masalah di situ, kerana semua itu ada rekod kepada kita.

Soalan: Menyentuh pekilang, adakah langkah-langkah baru ini akan menambah kos transaksi kepada mereka?

PM: Mungkin ia akan menambah kos transaksi kepada mereka tetapi

nilainya ialah lebih rendah daripada lindungan nilai yang perlu mereka lakukan apabila nilai ringgit turun naik. Kadang-kadang, sebanyak 15 peratus komisyen diperlukan untuk menangani kemungkinan berlakunya turun naik ringgit. Tetapi, bila kadarnya ditetapkan, kita tidak perlu memikirkan tentang lindungan nilai dan ini mengurangkan kos perniagaan dan sudah tentu...pembayaran dan perkara seumpamanya apabila ia dibuat kemudiannya, ia tidak akan dipengaruhi penurunan atau kenaikan. Dengan itu, perniagaan akan dijalankan dengan lebih senang.

Soalan: Sudah berapa lamakah Datuk Seri memikirkan tentang pilihan ini yang boleh dilihat sebagai agak radikal... sedangkan kita telah melaksanakan langkah-langkah yang tidak berkesan?

PM: Kita telah melihat cara lain dalam usaha kita untuk menstabilkan kadar tukaran dan harga saham. Pada mulanya, kita telah memberhentikan pergerakan wang tunai di sempadan dan ini sudah tentu tidak berkesan kerana mereka boleh mengalihkan pelbagai bentuk dokumen, cek dan sebagainya. Kita juga mencuba untuk memaksa pembeli saham untuk membawa skrip tetapi sesetengah saham diperdagangkan antara syarikat penama...sebenarnya tiada perubahan daripada segi pemilik kerana ia masih berada dengan syarikat penama itu. Jadi kita telah mengkaji semua ini dan kita akhirnya mengambil keputusan bahawa satu-satunya cara yang membolehkan kita menguruskan ekonomi ialah melindungi kita daripada aktiviti pedagang mata wang dan spekulator pasaran saham dan untuk melaksanakan langkah ini, kita perlu menjauhkan mereka daripada pasaran. Ketika ini, mereka sedang menguasai pasaran dan masalahnya dengan tindakan lain ialah setiap kali kita cuba memulihkan ekonomi, mereka cuba menghalangnya. Sebagai contoh, jika kita cuba mengurangkan kadar faedah, mereka akan menekan nilai saham, mereka akan menurunkan nilai mata wang yang menyebabkan kesusahan kepada kita. Setiap kali kita cuba melakukan sesuatu, mereka akan mempermainkan matawang dan pasaran saham. Bila kita cuba mewujudkan Danaharta dan Danamodal, mereka tahu bahawa untuk menjalankan institusi-institusi itu, kita memerlukan lebih banyak wang...bila kita mengumumkannya agensi-agensi penarafan telah menurunkan penarafan kredit antarabangsa kita...ianya telah diturunkan sehingga ia hampir mencapai tahap paling rendah menyebabkan kos dana meningkat dan keupayaan kita untuk melaksanakannya terbatas. Jadi anda boleh lihat selagi mereka boleh mengganggu, tidak banyak yang boleh kita lakukan untuk memulihkan ekonomi kita.

Soalan: Adakah Datuk Seri melihat langkah ini sebagai usaha melindungi negara daripada kegawatan dan kejatuhan pasaran-pasaran lain, dengan langkah ini, bagaimana Datuk Seri melihat pasaran Malaysia?

PM: Kita tidak akan banyak dipengaruhi oleh apa yang berlaku kepada pasaran-pasaran lain, anda tahu tentang apa yang dikatakan sebagai kesan jangkitan...apa saja yang berlaku di Rusia akan mempengaruhi pasaran saham dan matawang kita...tetapi tiada kaitan antara kita dengan Rusia tetapi ia sekarang ini akan memberi kesan kepada kita. Tetapi dengan langkah ini, kita boleh menentukan sama ada kita mahu memberikan reaksi atau tidak...Penting juga bagi kita untuk mengetahui kadar tukaran asing di negara-negara lain kerana kita bersaing dengan mereka...katalah matawang saingan kita susut nilai sementara kita terus kukuh, dengan itu kita tidak boleh bersaing dengan mereka. Oleh itu mustahak bagi kita mengetahui apa yang berlaku di dunia ini...kalau mata wang mereka diturunkan nilai, kita boleh menurunkan nilai ringgit sehingga paras tertentu tanpa terlalu mempengaruhi prestasi ekonomi kita kerana walaupun kita menurunkan nilai ringgit, ringgit sebenarnya lebih kukuh berbanding banyak mata wang asing.

Malaysia ialah sebuah negara perdagangan...kini, amatlah penting bagi kita untuk mempunyai keupayaan bersaing...kalau kita terlalu memperkukuhkan nilai ringgit, kita tidak akan boleh bersaing dengan jiran kita, saingan kita...sebaliknya kalau kita memperkukuhkan ringgit, kita akan boleh membeli barangan import pada harga yang lebih rendah dan juga dapat menjualnya dalam negara pada harga yang rendah. Namun begitu, pendapatan kita daripada segi ringgit akan lebih rendah. Sebagai contoh, minyak sawit kita yang dieksport menghasilkan pendapatan yang lebih banyak kepada kita iaitu hampir AS\$1,200 lebih tinggi berbanding dulu...kalau kita mengukuhkan nilai matawang kita, pendapatan kita akan menjadi lebih sedikit.

Kita boleh, sebagai contoh, mensubsidikan import kita melalui cukai terhadap eksport kita. Katakan eksport kita mendatangkan untung yang lebih banyak bukan kerana usaha mereka tetapi kerana kadar tukaran kita, seperti minyak sawit. Kita mungkin kena mengenakan cukai ke atas laba dan duit itu boleh digunakan untuk mensubsidi import seperti gula yang akan naik harga. Kita akan mengawal harga gula dengan mensubsidi harga barangan import.

Soalan: Bagaimanakah hubungan Malaysia dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Bank Dunia, dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan pertubuhan berbagai hala yang lain akan dilaksanakan? Adakah ia akan memberi kesan terhadap hubungan kita?

PM: Ia mungkin akan memberi kesan. Ia akan bergantung sama ada kepada minat mereka ke atas pemulihan ekonomi kita atau mereka ingin melakukan sesuatu untuk orang lain. Dari apa yang kita lihat tindakan mereka telah menguntungkan peniaga-peniaga matawang, menguntungkan syarikat-syarikat asing yang boleh membeli syarikat-syarikat tempatan dengan murah. Kesemua ini bertentangan dengan kepentingan kita. Jika mereka benar-benar mengambil berat terhadap negara-negara membangun, maka mereka sepatutnya menerima apa yang telah kita lakukan sebagai sesuatu yang baik. Seperti yang kamu ketahui apa yang telah dilakukan oleh IMF telah menerima kritikan yang hebat. Ini kerana pada mulanya mereka menyangka hanya negara-negara di Asia Tenggara yang akan menderita. Tetapi sekarang ini kamu dapat melihat seluruh dunia menerima kesan itu dan Dow Jones telah menjunam sebanyak 500 mata lagi dan sudah tentu reaksi mereka kepada situasi begitu adalah berlainan. Sedangkan semasa kita menghadapi masalah, kita telah diberitahu supaya menaikkan kadar faedah tetapi apabila mereka menghadapi masalah yang sama mereka mengambil keputusan untuk merendahkan kadar faedah. Justeru itu, seolah-olah preskripsi untuk negara-negara miskin adalah untuk memiskinkan lagi mereka dan untuk negara-negara kaya ialah untuk memewahkan lagi diri mereka.

Soalan: Biarpun terdapat bukti yang kita lihat hari ini, IMF dan agensi-agensi antarabangsa yang lain tidak berminat untuk melibatkan diri dan menstabilkan ekonomi. Sungguhpun ia adalah mandat mereka. Bolehkah Datuk Seri jelaskan mengapa mereka tidak membantu kita?

PM: Mereka melihat masalah kita sebagai suatu alat untuk memaksa kita menerima regim-regim tertentu. Mereka mahukan kita melakukan pembaharuan, yang bermaksud kita patut membuka pasaran kita untuk syarikat-syarikat asing masuk dan berniaga tanpa sebarang syarat. Bantuan mereka selalunya berdasarkan syarat itu ... kami akan memberikan wang kami dengan syarat kamu membuka pasaran ekonomi. Dan bila kita membuka pasaran kita, kita akan kehilangan kawalan ke atas ekonomi kita, kesemua syarikat-syarikat kita, bank-bank dan industri-industri akan dipunyai oleh orang asing. Di Malaysia, kita dalam proses untuk menstrukturkan semula ekonomi, kita tidak boleh berbuat demikian kerana mereka akan membangkang segala syarat yang

akan kita kenakan ke atas mereka. Oleh itu, biarpun IMF sepatutnya membantu negara-negara membangun yang dalam masalah kewangan, tetapi ia ingin menggunakan masalah kewangan di negara-negara lain untuk membolehkan syarikat-syarikat gergasi dari negara-negara kaya untuk datang dan mengambil alih ekonomi. Itu bagi saya seolah-olah merupakan matlamat mereka, bukannya untuk membantu. Sudah tentu mereka berkata pembaharuan tetapi pembaharuan menurut mereka bermaksud sesuatu yang bermanfaat kepada negara-negara maju.

Di kalangan spekulator mereka berkata secara terbuka, "kami ingin melihat darah." Dalam perkataan lain, mereka mahu melihat pembunuhan. Kamu tahu syarikat-syarikat ini mesti dihapuskan, ia adalah langkah yang menunjukkan bagaimana seriusnya kamu terhadap pembaharuan. Saya tidak memahaminya kerana kita telah melihat darah secukup-cukupnya. Dalam sesetengah negara, berjuta-juta pekerja menganggur sekarang dan mereka tidak mempunyai makanan, ubat-ubatan, susu untuk anak-anak mereka dan hanya yang mereka boleh fikirkan ialah ini merupakan harga yang terpaksa kita bayar untuk pembaharuan dan pembaharuan adalah baik untuk kamu.

Soalan: Datuk Seri, dalam perkara ini adakah tindakan yang kita ambil mampu menjejaskan tindakan para spekulator?

PM: Kita fikir begitu. Itu adalah matlamatnya. Kita terpaksa membawa spekulator-spekulator itu keluar daripada perdagangan matawang yang melibatkan ringgit. Matawang perlu ditukarkan untuk membiayai perdagangan. Itu boleh kita lakukan tanpa spekulator-spekulator. Malah, kita boleh melakukannya tanpa dana-dana lindung nilai.

Soalan: Datuk Seri, adakah negara-negara membangun yang lain akan tampil ke hadapan dan melakukan seperti apa yang kita lakukan?

PM: Terdapat tanda-tanda menunjukkan orang sudah hilang kepercayaan dalam operasi pasaran bebas. Itu merupakan sebab Hong Kong campur tangan untuk mengekang para spekulator. Sekarang Taiwan telah memberi amaran kepada spekulator kewangan, George Soros supaya tidak datang ke Taiwan dan China telah enggan untuk membenarkan matawangnya ditukarkan secara bebas. Kini, Rusia pula berfikir dua kali, mereka mungkin kembali kepada komunisme. Kita telah melihat apa yang telah dilakukan oleh Chile dan Slovenia. Orang akan menyedarinya apabila sistem itu disalahgunakan dan mereka menderita, maka mereka akan bersedia untuk melakukan perubahan. Bagaimanapun, sesetengah negara mendapat manfaat daripada penyalahgunaan itu.

Soalan: Ada juga khabar dan cakap-cakap bahawa hasil daripada pelaksanaan langkah ini simpanan orang ramai dalam bank akan dibekukan. Adakah sebarang kebenaran pada cakap-cakap begini?

PM: Tak ada sebab. Tak ada sebab, ini adalah masalah dalaman, keadaan ekonomi dalam negeri tak disentuh dalam perkara ini. Bahkan menjadi lebih kukuh, bank menjadi lebih kukuh, peniaga dapat berniaga tanpa diganggu dengan kejatuhan mata wang dan harga-harga saham. Jadi sistem kewangan dalam negeri akan jadi lebih kukuh dan tak ada sebab kenapa kita harus beku simpanan tetap umpamanya. Duit yang disimpan dalam bank adalah selamat dan tak akan disentuh.

Soalan: Orang kita nak pergi umrah ke Mekah selalunya bawa duit kita, duit Malaysia kadang-kadang pergi tukar kat sana, sekarang ini sejak akhir-akhir ini duit Malaysia ini kurang laku di Mekah atau di Madinah jadi

kalau dia nak pergi menunaikan haji dia menyediakan wang Malaysia dan membelilah duit dolar Amerika atau riyal lah, yang ini tidak ada masalah bagi mereka mendapatkannya.

PM: Tiada masalah, tinggal lagi tentulah duit yang nak dibawa itu tidaklah begitu besar sehingga melebihi keperluan. Kalau dia nak sekian banyak duit dan kita tahu ini memang diperlukan, kita akan bekalkan dia tukar sama ada riyal atau pound atau apa juga matawang yang dia nak. Kita boleh bagi kepada mereka.

Soalan: Adakah ini tertakluk kepada peraturan tadi iaitu maksimum RM10,000

PM: Maksimum RM10,000 tapi kalau dia ada keperluan untuk belanja lebih daripada itu dan dia tunjuk bukti kenapa, kita boleh timbang.

Soalan: Jadi kita tidak ada langsung rancangan untuk menyekat perjalanan sebagainya, tidak ada langsung dalam fikiran kerajaan?

PM: Kita nak supaya ekonomi kita berkembang maju dan kalau kita buat sesuatu kontrol yang merugikan rakyat kita, itu tentulah sesuatu yang tidak diminati oleh mereka. Kerajaan ingin lihat negara kita, ekonominya pulih semula dan kita yakin dengan beberapa langkah yang telah kita ambil dan akan ambil, kita akan dapat pulih ekonomi kita semula. Dahulu kita tak dapat mengambil tindakan ini kerana tiap kali kita cuba nak pulih ekonomi, mereka akan ketuk kita punya ringgit dan saham kita supaya kita jadi lebih miskin, sehingga satu hari kita menjadi begitu miskin sekali, kita terpaksa minta pertolongan daripada IMF, dengan itu kita akan hilang kebebasan kita.

Soalan: Dari 1 Januari sehingga bulan Jun, ekonomi kita menguncup, kecut, sebanyak 6.8 peratus. Dalam bahasa yang mudah bagaimana kita memberitahu rakyat apa yang terjadi, bagaimana kita mengukur, pasal ramai orang kata penguncupan ekonomi tapi kurang pasti apa dimaksudkan?

PM: Kalau kita nak ambil kira dari segi dagangan dan aktiviti-aktiviti ekonomi, maka kita dapat mewujudkan kekayaan kita, kalau dagangan berkurangan, aktiviti ekonomi berkurangan, maka duit menjadi kurang... inilah yang berlaku, soalnya kenapa dia kurang? Umpamanya kita menjadi pengeluar mikro cip untuk komputer tetapi permintaan untuk ia sudah berkurangan kerana seluruh Asia Timur sudah jadi miskin, tidak dapat beli komputer dan sebagainya. Eropah juga permintaan berkurangan dan Amerika sekarang ini tidak dapat jual komputer kepada negara membangun kerana mereka buat komputer tetapi tidak jual semuanya di Amerika yang mempunyai duit banyak tetapi mereka perlu eksport dan pasaran mereka sendiri sudah hancurkan.

Umpamanya kita menjadi pembeli kapal terbang Boeing sekarang ni kita tak beli lagi, kerana bukan saja tidak ada duit, kerana pelancongan sudah berkurangan dan keperluan untuk kapal terbang sudah kurang, jadi bila kita tidak beli, ekonomi Amerika akan merosot, bila ekonomi merosot maka barangan kita juga pasarannya sudah jadi lebih kecil.

Jepun juga pasarannya merosot jadi barang yang dahulu biasa kita eksport kepada mereka, permintaan sudah berkurangan. Ini juga menyebabkan dagangan, aktiviti ekonomi kita menurun, ini yang menyebabkan ekonomi menguncup sebanyak 6.8 peratus iaitu bukan dari Januari hingga Jun, tidak, tetapi dari April, Mei, Jun (suku kedua), daripada Januari, Mac - 1.8 peratus.

Soalan: Apakah Datuk Seri menjangka dengan langkah-langkah yang sedang

diambil ini bahawa penguncupan ekonomi itu mungkin berkurangan sedikit dan bila masa yang mungkin enam bulan kita akan mula melihat ekonomi kita tumbuh balik kalau tak tinggi pun tumbuh juga.

PM: Saya yakin ekonomi tumbuh kerana sekarang ini kita tumpu bukan kepada aktiviti eksport tetapi juga aktiviti dalaman. Sebab itu kerajaan bercadang untuk membiayai pembinaan infrastruktur yang bermakna kita akan belanja wang yang banyak untuk pembinaan. Dan industri pembinaan ini mempunyai 140 industri yang ada kaitannya dan dengan adanya perbelanjaan ini maka peluang kerja akan diwujudkan, perniagaan bahan-bahan binaan akan meningkat dan perniagaan sampingan, kerana bila orang ada duit maka dia akan belanja beli makan beli barang dan itu semua akan menyebabkan aktiviti ekonomi bertambah. Harus kita ingat iaitu kalau kita ada duit yang kita simpan tak guna langsung, tak simpan dalam bank tapi kita simpan di rumah, duit itu sebenarnya tidak ada harga ekonomi sama sekali.

Tapi kalau duit itu diguna dalam satu hari 10 kali dia dapat "multiply effect" daripada itu. Tiap kali dia dibelanja ada orang yang dapat duit dan orang yang dapat duit itu pula belanja, orang lain pula dapat duit. Tiap kali dia dapat duit, dia dapat keuntungan. Jadi, bila dia dapat keuntungan dia tentu belanja keuntungannya untuk menggerakkan ekonomi kita.

Jadi, ini cara kita dalam negara boleh majukan ekonomi negara kita. Sebab itu kita ingin lihat umpamanya lebih banyak rumah dibina dan dibeli dan kita dapati pasaran untuk rumah murah umpamanya begitu baik, rumah sederhana begitu baik, dan kalau peniaga untung, rumah yang mewah boleh laku. Jadi itu caranya kita ingin lihat ekonomi kita pulih semula.

Soalan: Datuk Seri, adakah kita perlu mengubah dasar pelaburan kita?

PM: Tidak ada perubahan kepada dasar pelaburan kita. Mereka masih lagi akan mendapat layanan yang sama, kemudahan, insentif bebas cukai yang biasanya kita beri, mereka akan terima semua itu. Dan pada masa yang sama mereka boleh bawa masuk wang dan mereka boleh bawa keluar wang yang mereka miliki, jika mereka membuat keuntungan. Ya, mereka boleh bawa keluar keuntungan, dan untuk membuat keuntungan mereka mesti mengeluarkan sesuatu yang mereka jual, dan kita akan mendapat faedah daripada kegiatan mereka menjual terutama jika mereka mengeksport. Katakan jika mereka mengeksport barangan tertentu 10 juta dolar, mereka akan membawa balik 10 juta dolar itu, keuntungan mereka mungkin satu juta dolar. Satu juta dolar itu, ambillah dan bawa balik ke negara mereka kita tidak kisah tetapi mereka perlu mendapatkan keuntungan terlebih dahulu sebelum mereka boleh menghantarnya pulang, mereka tidak boleh dengan sewenang-wenangnya mengambil wang di sini dan menukarkannya kepada matawang asing dan menghantarnya keluar.

Soalan: Tadi Datuk Seri berkata, kerajaan akan kembali membelanjakan satu jumlah wang yang besar untuk bina infrastruktur, siapa akan membina infrastruktur ini, apakah kerajaan akan kembali menjadi pelaksana atau kerajaan akan terus menyerahkan pelaksanaannya kepada swasta melalui dasar penswastan.

PM: Saya selalu berpendapat bahawa kerajaan kurang efisien, sebab itu kita suka penswastan dan tidak menjadi masalah sama ada dibelanja oleh kerajaan atau swasta. Yang penting ialah ada wang yang bertukar tangan, bila ada apa juga aktiviti ekonomi, wang akan bertukar tangan baik daripada kerajaan kepada swasta, atau daripada swasta kepada swasta, kepada pekerja, pembekal, orang yang menjadi pengangkut barang, semua ini akan berlaku bila kita belanja wang, kerajaan atau swasta bukan masalah, yang penting ialah

duit yang ada mesti bergerak, kita tak hendak duit yang kita simpan.

Saya yakin kalau nilai saham mereka kembali semula mengikut nilai aset bersih dan kalau nilai matawang kukuh semula, mereka dapat pulih, kalau tak pulih sepenuh pun NPL mereka mungkin kurang dan mereka boleh pinjam duit, bila boleh pinjam duit boleh menjalankan kegiatan yang memberi keuntungan kepada mereka dan kegiatan yang boleh memberi keuntungan bermakna mereka boleh bayar segala hutang mereka dan dengan itu mereka dapat dipulih semula.

Soalan: Datuk Seri, mesti ada "sense of urgency" yang menyeluruh dalam hal pemulihan ekonomi?

PM: Ya, Saya berharap semua orang akan faham bahawa masa bererti wang. Semua orang mesti bekerja lebih kuat daripada biasa. Dalam kerajaan, saya menjangka orang bekerja siang dan malam bagi membantu memulihkan ekonomi. Menteri-menteri telah diarahkan mereka mesti bekerja siang dan malam, mereka mesti pergi dan lihat apa yang berlaku di lapangan. Tidak cukup kita mengeluarkan arahan sahaja, kemudian balik dan tidur. Tidak boleh bekerja seperti itu lagi sekarang dan pegawai-pegawai kerajaan telah diberitahu, semua orang telah diberitahu bahawa kamu mesti bekerja lebih kuat, sebab kita sedang menghadapi keadaan ekonomi yang sangat sulit dan satu-satunya cara kita boleh mengatasinya ialah dengan bekerja sangat kuat dan tidak membiarkan sikap suka mengambil mudah menjejaskan pemulihan ekonomi di negara ini.

-- BERNAMA

AU KHY